UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
21030 KUALA NERUS, TERENGGANU, MALAYSIA
+609-633 4111
www.umt.edu.my
pejabat.bendahari@umt.edu.my
PEJABAT BENDAHARI
BURSAR OFFICE

Rujukan kami : **UMT/BEND/100-4/8 JLD.2 (12)**
Tarikh : **29 Julai 2026**
Bersamaan : **15 Safar 1448H**

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Malaysia Terengganu

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

Y.Bhg. Dato' / Prof. / Tuan / Puan,

PEKELILING BENDAHARI BIL. 12 TAHUN 2026

KADAR YURAN PENGAJIAN BAGI KEMASUKAN PELAJAR MELALUI LALUAN *ACCREDITATION OF PRIOR EXPERIENTIAL LEARNING FOR QUALIFICATION* (APEL.Q) BAGI PROGRAM SARJANA MUDA PENGURUSAN MARITIM UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan tentang Kadar Yuran Pengajian bagi kemasukan pelajar melalui laluan *Accreditation of Prior Experiential Learning For Qualification* (APEL.Q) Bagi Program Sarjana Muda Pengurusan Maritim Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

2. LATAR BELAKANG

2.1 Kaedah Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu bagi Tujuan Penganugerahan Kelayakan (APEL.Q) adalah proses penilaian pembelajaran (formal/ tidak formal) seseorang individu berdasarkan pengalaman terkumpul (pengetahuan dan kemahiran) untuk mendapatkan kelayakan akademik bagi program yang dimohon.

2.2 Penetapan kadar yuran pengajian bagi kemasukan pelajar melalui laluan *Accreditation of Prior Experiential Learning For Qualification* (APEL.Q) bagi Program Sarjana Muda Pengurusan Maritim ini telah diperaku dan diluluskan oleh jawatankuasa berikut:

a. Mesyuarat Senat Kali Ke-193 Bil.1/2025 pada 3 Februari 2025;

b. Mesyuarat Jawatankuasa Yuran Kali Ke-46 (Khas) Bil. 1 Tahun 2026 yang bersidang pada 21 April 2026; dan

c. Jawatankuasa Tetap Kewangan (JKTK) Kali ke-74 (Bil. 3 Tahun 2026) pada 19 Julai 2026.

3. YURAN PENGAJIAN

3.1 Jumlah Yuran Pengajian bagi kemasukan pelajar melalui laluan *Accreditation of Prior Experiential Learning For Qualification* (APEL.Q) bagi Program Sarjana Muda Pengurusan Maritim adalah **RM28,750** untuk tempoh pengajian selama 2.5 tahun (5 semester).

3.2 Perincian agihan yuran pengajian bagi Kemasukan Pelajar Melalui Laluan *Accreditation of Prior Experiential Learning For Qualification* (APEL.Q) bagi Program Sarjana Muda Pengurusan Maritim adalah seperti **Lampiran 1.**

4. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa pemakaiannya mulai dari penawaran program dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

"KEBERSAMAAN UMT"
"MALAYSIA MADANAI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

TUAN HAJI MOHD RIDUAN BIN MOHAMED RAKHAZALI C.A. (M)
Bendahari
Universiti Malaysia Terengganu

s.k:
1. Naib Canselor
2. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
3. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
4. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
5. Fail

Lampiran 1

Kadar Yuran Pengajian Program Sarjana Muda Pengurusan Maritim Secara APEL.Q

Perincian Agihan Yuran Pengajian Bagi Kemasukan Pelajar Melalui Laluan *Accreditation of Prior Experiential Learning For Qualification* (APEL.Q) bagi Program Sarjana Muda Pengurusan Maritim

Perkara	Yuran Mengikut Semester (RM)					Jumlah
	1	2	3	4	5	(RM)
Yuran tidak berulang :						
Pendaftaran	1,000.00	-	-	-	-	1,000.00
Orientasi	-	-	-	-	-	-
Kokurikulum	-	-	-	-	-	-
Alumni	80.00	-	-	-	-	80.00
Kebajikan Alumni	20.00					20.00
Pemeriksaan kesihatan	80.00	-	-	-	-	80.00
JUMLAH	1,180.00	-	-	-	-	1,180.00
Yuran berulang :						
Pelajaran	6,070.00	4,000.00	4,000.00	4,000.00	4,000.00	22,070.00
Perkhidmatan & Peralatan	200.00	200.00	200.00	200.00	200.00	1,000.00
Kesihatan	50.00	50.00	50.00	50.00	50.00	250.00
Perpustakaan	50.00	50.00	50.00	50.00	50.00	250.00
Aktiviti	-	-	-	-	-	-
Kebajikan	40.00	40.00	40.00	40.00	40.00	200.00
MPP	10.00	10.00	10.00	10.00	10.00	50.00
JUMLAH	6,420.00	4,350.00	4,350.00	4,350.00	4,350.00	23,820.00
JUMLAH KECIL	**7,600.00**	**4,350.00**	**4,350.00**	**4,350.00**	**4,350.00**	**25,000.00**
MARGIN KEUNTUNGAN (15%	**1,150.00**	**650.00**	**650.00**	**650.00**	**650.00**	**3,750.00**
JUMLAH BESAR	**8,750.00**	**5,000.00**	**5,000.00**	**5,000.00**	**5,000.00**	**28,750.00**